

PTPTN bantu pelajar nikmati pendidikan berkualiti

BH 20/5/2012 2

KOTA KINABALU: Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman mengajak rakyat termasuk di Sabah berterima kasih kepada kerajaan yang memperuntukkan sejumlah besar wang bagi sektor pendidikan menerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Katanya, inisiatif kerajaan memperuntukkan dana besar kepada sektor pendidikan bagi memastikan pelajar mendapat kemudahan pelajaran berkualiti hingga ke universiti menerusi pinjaman PTPTN, perlu disyukuri.

Beliau berkata, PTPTN menjadi

satu daripada alternatif kepada pelajar untuk menampung kos pengajian mereka di peringkat universiti.

"Sebelum PTPTN diwujudkan, pelajar yang berpeluang melanjutkan pengajian peringkat tinggi hanya sekitar 27,000 di seluruh negara pada pertengahan 90-an.

"Bagaimanapun dengan wujudnya PTPTN, seramai 277,000 pelajar berpeluang melanjutkan pengajian ke universiti.

"Jika dulu, ada ibu bapa terpaksa jual tanah atau buat pinjaman bank untuk menampung kos pendidikan anak mereka, tapi dengan adanya PTPTN, mereka tidak perlu lagi bim-

bang. Ini membuktikan keprihatinan kerajaan dalam membela semua golongan masyarakat termasuk pelajar di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyerahan wang pendahuluan PTPTN di Dewan Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, semalam.


Turut hadir, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampun.

Pada majlis itu, seramai 1,265 pelajar bagi sesi kemasukan Jun 2012 menerima wang pendahuluan PTPTN masing-masing membabitkan kira-kira RM1.8 juta.

Musa yang juga Menteri Kewangan negeri berkata, kerajaan negeri menghargai usaha PTPTN memastikan pembiayaan efisien disediakan kepada pelajar yang layak mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT).

"Ia selaras dasar kerajaan untuk membolehkan setiap pelajar menikmati pendidikan berkualiti dan berkemampuan menyambung pelajaran ke IPT.

"Saya berharap penerima wang pendahuluan PTPTN berjumlah RM1,500 setiap seorang ini dapat menggunakan wang dengan berhemah," katanya.



Musa